

1001 MASALAH

ABU AL-MUKHTAR SEDIA MENJAWAB



Pertanyaan dari:

Shamsuri bin Ismail,
Parit Buntar, Perak.

Soal

Saya adalah seorang saudagar kecil berniaga barang-barang runcit di kampung. Pada akhir tahun sewaktu hendak mengeluarkan zakat, saya dapati ada beberapa orang pelanggan kedai saya yang masih berhutang kepada saya; dan orang-orang yang berhutang itu ada yang telah mati dan ada pula yang telah keluar dari kampung dengan tidak diketahui alamatnya. Bolehkah wang hutang yang di tangan orang-orang tersebut saya niatkan jadi zakat harta saya; dengan beralasan kepada sabda junjungan besar Nabi Muhammad (S.A.W) yang berbunyi:

“Innamā al-a'mālu binniyāti wa innamā likulli imri'ī mānawā.”

Pada hal di waktu saya memberi hutang kepada mereka dahulu tidak saya niatkan bahawa wang hutang tersebut dijadikan wang zakat harta saya. Bagaimana pendapat tuan dalam perkara ini?

Jawab

Hadis yang tersebut di atas ada orang mengertikannya begini:

“Tidak diterima segala amalan, melainkan dengan niat; Dan tiap-tiap

seorang hanya dapat apa yang ia niatkan.”

Dan ada pula orang yang mengertikannya

begini:

“Tidak sah amal, melainkan dengan niat, dan tiap-tiap seorang, hanya dapat apa yang diniatkan.”

Dan ada pula orang lain yang mengertikan begini:

“Tidak diterima amal, melainkan menurut niat, dan tiap-tiap seorang tidak dapat, melainkan apa yang ia niatkan.”

Menurut keterangan salah satu daripada hadis-hadis yang telah ditafsirkan di atas, adalah menunjukkan bahawa tidak sah dan tidak boleh seseorang meniatkan harta hutang yang berada di tangan orang sebagai dijadikan zakat, kerana pada masa ia memberikan hutang dahulu, ia tidak berniat apa-apa, kecuali sebagai memberikan hutang biasa sahaja; tidak lebih dari itu. Tiba-tiba sesudah orang-orang yang berhutang itu mati atau tidak diketahui tempat tinggalnya, tegasnya tidak ada harapan lagi buat ia menerima hutang tersebut, maka pada ketika itu baharulah ia meniatkan wang hutang yang tidak ada harapan diterimanya itu menjadi zakat hartanya.

Orang-orang Islam yang bersikap demikian sekurang-kurangnya ia hendak menipu tuhan atau hendak menipu

dirinya sendiri. Adakah tuhan itu boleh ditipu-tipu? Lebih nyata lagi akan kesalahannya manakala ia melakukan demikian dengan bersandarkan suatu dalil hadis yang mana tujuan hadis itu sendiri menunjukkan bahawa tidak sah atau tidak diterima amal seseorang itu, melainkan dengan niat; pada hal sewaktu ia memberi hutang dahulu tidak ada ia berniat bahawa wang hutang yang diberikan kepada si polan itu adalah dijadikan sebagai harta zakatnya.

Pertanyaan dari:

Osman bin Ibrahim,
Seberang Prai, Pulau Pinang

Soal

Menurut keterangan dari kitab-kitab “*Usul A'qaid*” bahawa Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* itu melihat tetapi tidak dengan mata, mendengar tetapi tidak dengan telinga, berkata-kata tetapi tidak dengan lidah dan seterusnya. Kalau begitu pada pendapat saya, apa-apa sifat yang ada pada manusia, ada juga pada Allah, cuma caranya sahaja yang tidak sama. Jadi bolehlah kita katakan; bahawa tuhan itu makan, minum dan tidur, tetapi tidak serupa makan minum dan tidur yang kita lakukan. Cuba tolong tuan huraikan kemusykilan saya di atas!

Jawab

Islam mengajar kita orang-orang Islam mengenal Tuhan dengan jalan akal dan naqal (keterangan-keterangan yang didapati dari Qur'an dan hadith). Dalam kitab-kitab *Usul A'qaid* (ilmu tauhid), menerangkan bahawa Allah itu



Pasukan nasyid wanita dari Klang yang mengambil bahagian di malam majlis pertandingan membaca al-Qur'ān di Kuala Lumpur.

bersifat dengan tiap-tiap sifat kesempurnaan dan Allah itu Maha Suci daripada segala sifat-sifat kekurangan.

Menurut akal, bahawa alam ini mempunyai satu Tuhan Yang Maha Berkuasa, yang tidak ada tolok bandingnya. Kalau kita mengatakan: Tuhan itu makan, minum atau tidur umpamanya, maka bererti tuhan itu lemah, lantaran berkehendak, sedang Tuhan itu tidak bersifat lemah dan tidak berkehendak kepada sesuatu apa dan tidak berhajat kepada sebarang pertolongan dari sesiapa.

Kalau kita mengatakan Tuhan itu tidur, maka bererti Tuhan itu lemah, kerana tidur itu sifat kelemahan. Mengantuk dan tidur itu tidak akan menghinggapi seseorang melainkan pada orang itu ada sifat kelemahannya –

sama ada kelemahan itu dari segi rohani atau jasmani – sedang Tuhan itu sekali-kali tidak bersifat lemah.

Begitulah seterusnya di lain-lain sifat, yakni akal fikiran kita yang waras tidak sekali-kali menerima mengatakan bahawa tuhan itu bersifat dengan salah suatu sifat yang menunjukkan kepada kelemahannya, lantaran yang bersifat lemah itu hanya makhluk bukannya tuhan.

Ada pun sifat-sifat melihat, mendengar dan berkata-kata itu, adalah sifat kesempurnaan, bukannya sifat kekurangan dan kelemahan; kerana kalau tidak melihat tentu buta; kalau tidak mendengar tentu tuli dan kalau tidak berkata-kata tentu bisu, sedang sifat-sifat tersebut adalah sifat kekurangan yang menunjukkan kepada kelemahan tuhan, maka ini adalah

mustahil dan tidak diterima oleh akal.

Oleh sebab itulah kita mengatakan: Allah melihat, mendengar dan berkata-kata dengan cara yang tidak membawa kepada kekurangan, lantaran sifat-sifat tersebut adalah sifat-sifat kesempurnaan.

Tetapi sifat-sifat makan, minum dan tidur itu dengan sendirinya telah menunjukkan kepada sifat kekurangan. Maha suci Tuhan daripada segala sifat kekurangan.

Kata-kata hikmah

Apabila engkau berbuat kebaikan hendaklah disembunyikan, tetapi kalau orang lain membuat kebaikan kepadamu hendaklah disiarkan.